

10/08/2001

Memartabatkan kembali generasi muda wanita

Halina Mohd Noor

MALAM 3 Ogos, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bergegar dengan teriakan bersemangat 5,000 Puteri Umno. Mereka datang dari seluruh pelosok negara untuk menyaksikan majlis pelancaran Puteri Umno oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bertemakan warna merah jambu, mereka tidak jemu mengibarkan selendang dan bendera negeri masing-masing dari awal hinggalah majlis berakhir. Puteri Umno yang ditubuhkan empat bulan lalu berikrar memartabatkan kembali generasi muda terutama dalam soal keagamaan. Melalui pendekatan 'Generasi Wanita Prihatin', tumpuan akan diberikan kepada pendidikan, perkhidmatan dan kesihatan yang meliputi fardu ain dan fardu kifayah.

Presidennya, Azalina Othman Said menggariskan matlamat penubuhan Puteri Umno, iaitu untuk memberikan kesedaran politik dan tanggungjawab sosial kepada ahlinya dalam membangunkan negara. Penyertaan Puteri Umno diharap dapat memberikan kesedaran dan memupuk semangat sukarela kepada masyarakat dalam menghadapi isu agama, sosial dan budaya.

"Puteri Umno juga bertujuan memupuk pemimpin pelapis Umno, masyarakat dan negara di samping menggalakkan kerjasama sesama ahli dalam projek masyarakat dengan badan yang diluluskan Majlis Kerja Tertinggi. Puteri bersedia bersama-sama seluruh generasi muda untuk merancang, melaksanakan dan menjayakan segala kegiatan yang dapat menanamkan nilai murni," katanya.

Kepakaran dan iltizam ahli jawatankuasanya dalam banyak bidang seperti undang-undang, sukan, pendidikan dan kesihatan akan diguna memantapkan jati diri sebagai generasi prihatin dan bertanggungjawab.

"Generasi muda hari ini banyak dipengaruhi pemikiran kurang sihat sehingga mereka menjadi lalai. Puteri menganjurkan pendekatan yang tidak radikal, dalam hal ini dengan menyerapkan nilai murni agama melalui program kebajikan dan kemasyarakatan. Ini adalah nilai persaudaraan bagi menggalakkan budaya penyayang dan prihatin. Melalui program begini, pemikiran generasi muda akan lebih terbuka dalam soal menilai budi, amanah dan janji kerana mereka menerima budi daripada keluarga, masyarakat, kerajaan dan negara," katanya.

Ketua Penerangan Puteri Umno negeri Melaka, Suzana Othman, 27, berazam menyelamatkan remaja daripada kegiatan kurang sihat bagi memenuhi ikrar pertubuhan itu. Beliau yang bekerja di sebuah bank tempatan berharap dapat menarik remaja dengan mendekati mereka melalui Puteri Umno.

"Remaja hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti gejala bohsia dan Black Metal. Ini cukup membimbangkan terutama mereka yang masih di bangku sekolah. Setakat ini, kami masih merancang beberapa program berbentuk keagamaan bagi menerapkan nilai Islam dengan kerjasama imam besar negeri. Antara kegiatan lain ialah mengadakan pertandingan pidato bagi mencari penceramah muda di kalangan ahli," katanya yang berminat dalam kerja kemasyarakatan bagi membantu remaja.

"Mencegah lebih baik daripada merawat, berdasarkan prinsip ini kami berpendapat Puteri Umno bertanggungjawab menanam nilai murni dalam diri remaja. Bagaimanapun, pendekatannya mungkin berbeza bagi menarik minat golongan ini," katanya.

Shahani Ahmad, 29, Ketua Penerangan Pulau Pinang, berpendapat Puteri Umno berbeza dengan pertubuhan politik lain kerana ia memberi peluang kepada remaja dan wanita muda bergiat dalam politik. Malah, karisma dan kewibawaan presidennya menarik minat Shahani yang sebelum ini kurang

meminati politik.

"Remaja harus ingat menerusi Umno adalah satu-satunya peluang untuk orang Melayu terus berjaya. Melalui Puteri Umno diharapkan remaja dapat memahami sejarah dan pentingnya ketuanan Melayu di negara ini kerana mereka tidak melalui zaman susah apabila negara dijajah. Justeru, ramai yang tidak tahu menilai dan menghargai apa yang mereka miliki kini," katanya.

Kata Shahani, Puteri Umno bahagiannya akan mencapai matlamat ini melalui tiga pendekatan iaitu pendidikan, perkhidmatan dan kesihatan. Pendekatan ini akan melahirkan remaja dan wanita prihatin dengan menjalankan program amal bagi membantu anak terbiar, ibu tunggal dan sebagainya.

"Dari sudut pendidikan pula, kami akan memastikan mereka mendapat asuhan agama betul melalui kegiatan menyeronokkan. Bagi mendekati remaja, kita perlu memahami kehendak mereka dan seterusnya menarik mereka ke arah kebaikan secara perlahan-lahan. Misalnya, kita tidak boleh terus minta mereka dengar ceramah atau kelas fardu ain sebaliknya mengadakan kegiatan menyeronokkan dan jika ada masalah mereka boleh mendapatkan kaunseling," katanya.

Ketua Puteri Selangor, Nora Azmin Radzuan, berazam untuk cuba mendekati dan mendalami remaja bermasalah dan seterusnya menarik mereka menyertai Puteri Umno. Kata Pengurus Akaun yang berusia 30 tahun ini, Puteri Umno adalah saluran terbaik untuk remaja menyertai dalam kegiatan berfaedah.

"Pendekatan Puteri Umno yang berbentuk kebajikan dan kesihatan akan membuatkan masa remaja sentiasa terisi dengan kegiatan bermoral dan aktiviti bernilai murni. Melalui cara ini ia diharapkan dapat melindungi remaja daripada kegiatan kurang sihat.

"Kami sedar, remaja hari ini amat berminat dengan kerja kemasyarakatan tetapi malangnya mereka tidak tahu memilih saluran yang betul. Masa terluang tidak diisi dengan kegiatan berfaedah, inilah yang menyebabkan remaja mudah terjerumus ke dalam kegiatan bertentangan dengan agama dan budaya," katanya.

Beliau juga berharap dapat mengalih fokus remaja Selangor untuk menyertai kegiatan sukarela dan berfaedah. Hingga kini, Puteri Umno Selangor berjaya mengumpul kira-kira 10,000 ahli.

Puteri Umno berjaya mengumpul 84,372 ahli sejak penubuhannya empat bulan lalu.

(END)